

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 29.10.2014

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) Jumlah penglibatan syarikat yang membekalkan susu 1 Malaysia ke sekolah-sekolah di seluruh negara serta kriteria pemilihan syarikat pembekal tersebut; dan
- (b) Sejauh mana pemantauan kawalan mutu susu yang dibekalkan dan dari negara manakah ianya diperolehi, dan senaraikan kes keracunan yang pernah berlaku di sekolah yang terlibat akibat daripada penggunaan susu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 2013- 2014, sebanyak empat (4) syarikat tempatan menjadi pembekal Utama susu UHT berperisa ke sekolah-sekolah di bawah Program Susu 1Malaysia (PS1M). Pemilihan ini dibuat berdasarkan keupayaan syarikat untuk membekalkan susu UHT berperisa dalam kuantiti yang diperlukan dan dalam tempoh yang ditetapkan.

(b) Sebahagian besar bekalan susu di bawah program PS1M diproses dan dikilangkan dalam Negara. Memandangkan bekalan susu tempatan agak terhad, tambahan bekalan susu terpaksa diimport dari beberapa Negara luar seperti Korea dan Thailand. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pemantauan sentiasa dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi memastikan pengagihan berlaku dengan berkesan dan selamat. Semua gudang dan tempat penyimpanan susu perlu mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan sebelum dibenarkan menyimpan susu. Konsep yang digunakan untuk pengedaran susu adalah konsep FIFO (*First in, First out*). Segala kelemahan atau permasalahan akan dibincangkan di peringkat KPM melalui J/K Task Force Program Susu 1Malaysia. Satu Buku Garis Panduan Pelaksanaan Program Susu 1Malaysia juga diedarkan ke semua sekolah di samping Cakera Padat (CD) berkaitan kaedah meminum susu. Sehingga Jun 2014 sebanyak 18 episod kejadian simptom klinikal yang disyaki berpunca daripada pengambilan susu UHT.